

# Panel penasihat baru akan semak struktur CLF

Oleh

NUR'ADILAH MAHBOB

adilaham@sph.com.sg

STRUKTUR Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) akan disemak bagi menjadikan wadah berusia 10 tahun itu lebih berkesan memenuhi keperluan masyarakat yang kian berubah.


Ini salah satu perkara yang akan menjadi tumpuan Jawatankuasa Penasihat CLF yang baru, dedah pengerusinya, Cik Halimah Yacob, semalam.

“Kita perlu menyoal struktur sekarang ini yang merangkumi rangkaian pekerjaan, pendidikan, keluarga dan belia sama ada ia struktur terbaik dalam kita melangkah ke hadapan, atau bolehkah kita memikirkan kaedah baru dalam mengatur rangkaian itu agar ia lebih berkesan,” ujar Cik Halimah.

Beliau, yang juga Sepaker Parlimen, ditemui media di Forum Khas CLF di Furama Riverfront semalam, setelah Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, mengumumkan pelantikan jawatankuasa itu.

Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Azmoon Ahmad, berkata beliau sedia memberi komitmen sepenuhnya sebagai anggota jawatankuasa itu.

“Walaupun AMP kritikal terhadap CLF selama ini, kami merupakan rakan kerja kukuh CLF. Kami juga percaya dengan CLF dan ingin menyumbang kepada kepada CLF,” kata Encik Azmoon.



## PENASIHAT CLF:

Dr Yaacob (*enam dari kiri*) bersama beberapa anggota Jawatankuasa Penasihat CLF (*dari kiri*) Dr Koh, Encik Azmoon, Encik Masagos, Cik Moliah, Cik Halimah, Cik Sapiah, Encik Izzuddin Taherally, Dr Hasbi, Cik Jenny dan Encik Azzli.

– Foto TUKIMAN WARJI

Beliau menyambut baik penglibatan badan-badan Melayu/Islam di tahap strategik kerana “CLF milik masyarakat dan siapa lagi yang harus menerajui jika tidak masyarakat itu sendiri”.

Seorang lagi anggota jawatankuasa itu, Presiden Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), Cik Sapiah Molla, pula menyifatkan penubuhan jawatankuasa tersebut sebagai tepat pada masanya.

“Kami dapat menasihati Jawatankuasa Pemandu tentang hala tuju CPF dan menyampaikan maklum balas daripada rakan kerja yang mempunyai pengalaman melaksanakan program CLF,” ujar

Cik Sapiah.

Dengan pelbagai wakil daripada agensi pemerintah dalam jawatankuasa itu, CLF juga dapat memanfaatkan sumber di peringkat nasional, katanya lagi.

Presiden Jamiyah, Dr Mohd Hasbi Abu Bakar, pula berkata:

“Saya melihat lebih banyak skop bagi Jamiyah untuk berganding bahu lagi dengan CLF, contohnya dalam mengatasi kekurangan dalam khidmat yang diberikan kepada masyarakat,” ujar Dr Hasbi.

Hal ini juga diakui seorang lagi anggota jawatankuasa itu, Cik Jenny Bong, daripada Methodist Welfare Services.

“Di peringkat strategik, kami boleh melihat bagaimana menyepadukan khidmat kami, dan bagaimana menangani masalah di peringkat lebih awal, daripada kita cuba menghuraikan satu masalah itu apabila ia sudah berlaku,” ujar Cik Bong.

Selain AMP, PPIS dan Jamiyah, jawatankuasa 13 anggota itu turut melibatkan wakil Yayasan Mendaki, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan Persatuan Pergerakan Pemuda Melayu (4PM)

Ia juga dianggotai anggota bukan Muslim serta wakil daripada pelbagai agensi termasuk Majlis Belia Kebangsaan (NYC), Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY), Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) dan Agensi Pembangunan Tenaga Kerja (WDA).

## Jawatankuasa Penasihat CLF

### Pengerusi:

– Cik Halimah Yacob, Speaker Parlimen

### Setiausaha:

– Cik Moliah Hashim, Ketua Sekretariat CLF

### Anggota:

– Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, Menteri Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar)

– Encik Azmoon Ahmad, Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP)

– Cik Sapiah Molla, Presiden Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS)

– Encik Izzuddin Taherally, Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Melayu (4PM)

– Haji Mohd Alami Musa, Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis)

– Dr Mohd Hasbi Abu Bakar, Presiden Jamiyah

– Cik Jenny Bong, Pengarah Eksekutif Kumpulan Methodist Welfare Services

– Encik Ng Chun Pin, Pengarah Majlis Belia Kebangsaan (NYC)

– Cik Charlene Chang, Pengarah Divisyen Perhubungan dan Pendekatan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY)

– Dr Benjamin Koh Khay Wee, Pengarah Divisyen ComCare dan Sokongan Sosial, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF)

– Encik Azzli Jamain, Pengarah Divisyen Kreatif dan Profesional, Agensi Pembangunan Tenaga Kerja (WDA)